

Pengenalan GVHP

Good Veterinary Hygienic Practice (GVHP) adalah merupakan salah satu daripada skim pensijilan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Melalui skim pensijilan yang dilaksanakan secara sukarela ini, industri makanan berasaskan haiwan berskala kecil dan sederhana (EKS) ini akan melalui proses pemeriksaan veterinar secara berkala oleh pegawai-pegawai pemeriksa veterinar yang terlatih. Ini adalah untuk memastikan EKS tersebut akur sepenuhnya kepada piawaian asas kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh DVS.

EKS memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi sektor makanan. Salah satu faktor penghalang dalam meningkatkan pemasaran produk adalah kekurangan dalam memenuhi keperluan sanitasi dan kebersihan. Senario ini menyebabkan pengguna hilang keyakinan terhadap produk makanan yang dihasilkan dan akhirnya menyebabkan kerugian kepada pengusaha yang terpaksa menanggung kos penarikan-balik produk, kos yang dipertanggungjawab dan kehilangan perniagaan.

Perubahan aliran semasa ke arah globalisasi dan terbentuknya perjanjian AFTA dan World Trade Organisation (WTO), EKS perlu mengubah konsep pengurusanannya dengan menyokong pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dan keselamatan makanan. Untuk mencapai hasrat ini, EKS perlu ada pencapaian asas yang kukuh supaya dapat bersaing dalam pasaran tempatan dan seterusnya pasaran antarabangsa.

Selaras dengan konsep kepastian kualiti “Dari Ladang Ke Hidangan”, GVHP menerapkan amalan kebersihan veterinar asas yang baik untuk industri yang bermula daripada bahan mentah sehinggalah pengeluaran produk siap. Selain itu ianya juga merangkumi aspek pengurusan dokumentasi, rekod dan latihan berkaitan.

GVHP juga membantu EKS memenuhi pra-syarat keperluan amalan pengilangan yang baik sebelum melaksanakan pensijilan VHM (Veterinary Health Mark).